



Ruj. Kami : KKM.S.500-2/33/31 Jld. 2 (20)  
Tarikh : 9 Julai 2024

## SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan

## URUSAN KENAIKAN PANGKAT PEMANDU KENDERAAN GRED H14 KE GRED H16 DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian Sumber Manusia (BSM) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan melaksanakan urusan kenaikan pangkat bagi skim perkhidmatan **Pemandu Kenderaan Gred H16** dan tawaran ini terbuka kepada Pemandu Kenderaan Gred H14 yang sedang memangku Gred H16 mulai **15.1.2024**. Senarai nama pegawai yang telah dikenal pasti untuk dipertimbangkan dalam urusan ini adalah seperti di **Lampiran A**. Tawaran ini juga terbuka kepada pegawai yang telah memangku Gred H16 **melebihi 6 bulan tetapi tiada dalam senarai nama yang dilampirkan**.

3. Bagi melaksanakan urusan ini, dimohon kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ tuan/ puan untuk mengemukakan maklumat sebagaimana yang diperlukan seperti perincian berikut:

- (a) **Cabutan Buku Rekod Perkhidmatan mulai 01 Januari 2023** : 1 salinan
- (b) **Borang NP(S) 8.2 Pindaan 2023** : 1 salinan
- (c) **Pengesahan Markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) Tahun 2021, Tahun 2022, Tahun 2023 dan Laporan Nilai Prestasi Khas (LNPK) Tahun 2024** : 1 salinan



4. Sekiranya pegawai yang terlibat membuat penangguhan melaporkan diri dalam urusan pemangkuan ke Gred H16, dimohon agar mengemukakan sesalinan **surat kebenaran penangguhan** oleh Ketua Jabatan. Sekiranya pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ tuan/ puan tidak memperakukan kenaikan pangkat pegawai berkenaan, perakuan secara bertulis perlu dikemukakan kepada BSM, KKM.

5. **Tarikh tutup permohonan** bagi urusan kenaikan pangkat ke Gred H16 ini adalah pada **12 Ogos 2024 (Isnin)**. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ tuan/ puan dalam memastikan semua dokumen adalah lengkap sebagaimana senarai semak di **Lampiran B** dan dikemukakan pada tarikh yang ditetapkan amatlah dihargai. Dimaklumkan juga surat edaran/ iklan dan borang berkaitan dengan urusan kenaikan pangkat ini boleh dimuat turun melalui portal rasmi KKM atau diakses melalui Kod Pautan Pantas (Kod QR) berikut:



6. Dokumen perakuan kenaikan pangkat bagi urusan ini hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut :-

Bahagian Sumber Manusia  
Unit Naik Pangkat (Sokongan)  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 9, Blok E7, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62590 W. P. PUTRAJAYA**  
(u.p.: Puan Hafiza binti Abu Bakar)

7. Sukacita diingatkan juga dalam pertimbangan sesuatu urusan kenaikan pangkat, adalah menjadi tanggungjawab pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ tuan/ puan untuk memastikan **perakuan Penyelia dan Ketua Jabatan dilaksanakan secara telus mengikut peraturan yang sedang berkuat kuasa**. Untuk makluman, LKP I KKM memandang serius perkara ini dan memutuskan agar surat teguran diberikan kepada mana-mana penyelia dan Ketua Jabatan yang membuat perakuan pemangkuan/ kenaikan pangkat yang tidak selari dengan prestasi semasa pegawai.

8. **Ketua Jabatan** juga **bertanggungjawab** memastikan **tindakan tatatertib** bagi pegawai yang mempunyai rekod Tidak Hadir Bertugas (THB) **telah selesai dilaksanakan**. Laporan tindakan tatatertib hendaklah dimaklumkan kepada urus setia dengan segera supaya urusan pengesahan kenaikan pangkat pegawai tidak terjejas.

9. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ tuan/ puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(RAJA SURIATI BINTI RAJA SULAIMAN)**

Bahagian Sumber Manusia

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia

## SENARAI EDARAN:

- Setiausaha Bahagian  
Bahagian Khidmat Pengurusan                      Mohon panjangkan ke  
semua Bahagian/ Jabatan di  
IPKKM
  
- Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pengurusan Latihan                      Mohon panjangkan ke  
semua institusi latihan KKM  
di bawah BPL
  
- Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
  
- Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
  
- Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
  
- Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
  
- Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
  
- Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
  
- Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
  
- Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
  
- Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
  
- Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
  
- Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
  
- Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya

## SENARAI EDARAN

- Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
- Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
- Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan
- Pengarah  
Hospital Kuala Lumpur
- Pengarah  
Hospital Tunku Azizah
- Pengarah  
Institut Perubatan Respiratori
- Pengarah  
Institut Kanser Negara
- Pengarah  
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan
- Pengarah  
Pusat Darah Negara
- Pengarah  
Bahagian Regulatori Farmasi Negara
- Pengarah  
Pusat Pergigian Kanak-Kanak & Kolej Latihan Pergigian Malaysia
- Pengurus  
*National Institute of Health (NIH)*

**SENARAI NAMA YANG TELIBAT DENGAN KENAIKAN PANGKAT  
BAGI PEMANDU KENDERAAN GRED H14 KE GRED H16  
TARIKH MEMANGKU : 15 JANUARI 2024**

BIL.	NAMA	PENEMPATAN
1	MOHAMMAD REDZUAN BIN OTHMAN	JABATAN KESIHATAN NEGERI KEDAH
2	ZULKIFLI BIN ABDULLAH	JABATAN KESIHATAN NEGERI PERAK
3	ROSLAN BIN AHMAD	JABATAN KESIHATAN NEGERI MELAKA
4	JEFRIHANIZAM BIN ZULDIN	JABATAN KESIHATAN NEGERI PAHANG
5	WAN YAHYA BIN WAN ISMAIL	JABATAN KESIHATAN NEGERI KELANTAN

DISAHKAN OLEH :

NAMA :

JAWATAN :

TARIKH :

  
HAFIZA BINTI ABU BAKAR

PENOLONG PEGAWAI TADBIR KANAN  
UNIT NAIK PANGKAT (SOKONGAN)  
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

9/7/2024